



Received: 2025-07-04

Accepted: 2025-12-15

Published: 2025-12-15

Original Article

Membina Semula Tadbir Urus Islam: Sintesis Falsafah Ketuhanan, Institusi dan Sejarah

(Reconstructing Islamic Governance: Synthesizing Divine Philosophy, Institutional Legacy, and Historical Reflection)

Ibrahim Majdi Mohamad Kamil^{a*}, Azman Yusof^b, Mohd Kamarul Amree Mohd Sarkam^c, Amran Muhammad^d, Rahimin Affandi Abdul Rahim^e

^a Bahagian Falsafah dan Tamadun, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Gelugor, Pulau Pinang Malaysia

^b Universiti Kuala Lumpur MICET, Alor Gajah, Melaka Malaysia

^c Jabatan Pengajian Pertahanan Islam, Akademi Pengajian dan Pertahanan Islam, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Kuala Lumpur Malaysia

^d Institut Ilmu Darul Makmur-Majlis Ugama dan Adat Resam Melayu Pahang, Kuantan, Pahang Malaysia

^e Perbadanan Muzium Negeri Pahang, Pekan, Pahang Malaysia

* Corresponding author, email; ibrahimmajdi@usm.my

DOI: <https://doi.org/10.22452/ris.vol12no2.8>

ABSTRACT

This paper examines the philosophical foundations of Islamic governance as a value system integrates divine principles, institutional structures, and historical trajectories. It aims to reconstruct a conceptual framework that synthesizes *tawhid* with institutional design, offering a normative basis for reform rather than evaluating any specific polity's empirical performance. Using a qualitative and reflective approach, the study combines philosophical analysis with institutional-historical inquiry, drawing on three primary sources: an articulation of Islamic Good Corporate Governance (IGCG), scholarship on religion corruption dynamics, and an edited volume on colonial and post-colonial governance of Islam. Data were analyzed thematically following Braun and Clarke, with reflexivity and cross-source triangulation enhancing trustworthiness. Findings reveal four interrelated themes: first, *tawhid* as the ontological and epistemological anchor of authority, responsibility (*amānah*), justice (*'adl*), and welfare (*maṣlaḥah*), positioning governance as a moral and spiritual mandate. Second, structural blind spots in secular-utilitarian paradigms that prioritize technical efficiency while neglecting ethical coherence. Third, the path-dependent transformation of Syariah courts, zakat administration, and religious education under colonial rule, which narrowed Islam's institutional autonomy and moral scope and fourth, the operationalization of ethics through IGCG principles which are transparency, accountability, responsibility, independence, and fairness bridging normative ideals with institutional practice. The paper concludes that reconstructing Islamic governance requires a critical philosophical approach and a historically informed institutional reform strategy that embeds *maqāṣid al-sharī'ah* within governance mechanisms. Recommendations

include phased reforms through value–practice audits, revitalization of religious institutions as moral guardians, and restoring bounded autonomy to key governance structures. Future research should test this framework across diverse contexts and develop measurable indicators of value congruence to ensure governance systems are effective, ethical, and spiritually grounded.

Keywords: Islamic governance; divine philosophy; tawhid; Islamic institutions; colonial legacy.

Pengenalan

Tadbir urus dalam tradisi Islam bukan sekadar satu mekanisme pentadbiran, tetapi merupakan manifestasi falsafah ketuhanan yang berakar pada prinsip tauhid sebagai asas epistemologi dan ontologi kehidupan sosial dan politik umat Islam. Konsep khalifah, yang merujuk kepada manusia sebagai wakil atau pemimpin agama yang memberi dimensi yang lebih mendalam terhadap cara manusia menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dalam masyarakat. Melalui kerangka ini, kuasa bukanlah milik individu secara mutlak, tetapi merupakan amanah yang dipegang untuk memastikan kemaslahatan umat. Keadilan (*al-'adl*), amanah (*al-amānah*), dan kemaslahatan (*maslahah*) adalah prinsip-prinsip utama yang bukan hanya mendasari nilai etika dalam kehidupan sosial, tetapi juga menjadi asas penting dalam pembentukan struktur dan sistem tadbir urus Islam. Keadilan, misalnya, adalah asas dalam pengambilan keputusan dan pelaksanaan hukum, yang ditegaskan dalam al-Quran (Al-Nisaa': 58), sementara amanah sebagai syarat sahnya kepemimpinan turut disebut dalam (Al-Mu'minun: 8), iaitu pemimpin wajib memegang amanah dan bertanggungjawab terhadap rakyat dan Tuhan.

Pendekatan ini berbeza secara asas dengan tradisi tadbir urus Barat, yang berakar kepada sekularisme, rasionalisme, dan utilitarianisme. Dalam sistem Barat moden, tadbir urus sering didefinisikan dengan memberi fokus kepada keberkesanan dan pencapaian matlamat ekonomi, namun ia cenderung untuk mengabaikan nilai-nilai moral dan etika yang lebih mendalam. Seyyed Hossein Nasr dan Masudul Alam Choudhury menekankan bahawa pendekatan ini, walaupun pragmatik dalam banyak keadaan, gagal untuk menyediakan kerangka moral dan spiritual yang penting dalam tadbir urus yang adil dan berintegriti¹. Dari perspektif Islam, sistem tadbir urus yang benar-benar berfungsi tidak hanya bergantung kepada keberkesanan teknikal semata-mata, tetapi juga kepada dimensi ketuhanan yang menuntut setiap tindakan dan keputusan diambil dengan penuh tanggungjawab terhadap Tuhan dan manusia.

Selain itu, sejarah penjajahan telah meninggalkan kesan yang mendalam terhadap institusi Islam. Pemerintahan kolonial di negara-negara seperti Sudan, Tunisia, dan India bukan sahaja memberi kesan secara politik dan ekonomi, tetapi turut mengubah struktur sosial dan agama umat Islam dengan pengintegrasian model birokrasi dan pentadbiran yang lebih berorientasikan kepada kepentingan penjajah. Maussen, Bader, dan Moors (2011) menjelaskan bahawa pentadbiran kolonial mengubah struktur mahkamah syariah dan sistem zakat, yang pada asalnya berperanan sebagai alat keadilan sosial, agar sejajar dengan sistem pentadbiran kolonial

¹ Seyyed Hossein Nasr, *The Heart of Islam: Enduring Values for Humanity* (New York: HarperOne, 2002), 112–115; Masudul Alam Choudhury, *Islamic Economics and Finance: An Epistemological Inquiry* (Cheltenham: Edward Elgar, 2007), 88–90.

dan kepentingan ekonomi penjajah². Sehingga kini, banyak negara Islam masih bergantung kepada struktur-struktur pentadbiran yang dibentuk semasa era kolonial, apabila birokrasi Barat dan sistem kuasa yang dipinjam dari penjajah terus berperanan dalam kehidupan seharian.

Dalam konteks semasa, negara-negara Islam menghadapi cabaran besar dalam mengintegrasikan prinsip-prinsip Islam ke dalam struktur institusi moden yang dibentuk oleh logik sekular dan sistem birokrasi yang diwarisi. Negara-negara seperti Malaysia, Indonesia, dan Mesir telah mengambil langkah-langkah untuk menggabungkan nilai-nilai Islam dalam sistem pentadbiran negara mereka, tetapi persoalan yang timbul ialah sejauh mana prinsip-prinsip seperti syura (musyawarah), keadilan, dan amanah benar-benar dapat diamalkan dalam struktur kuasa yang masih dipengaruhi oleh model-model Barat. Wael Hallaq dalam bukunya *The Impossible State* (2013) menyatakan bahawa sistem negara moden yang sering kali memisahkan agama daripada urusan negara, bertentangan dengan kerangka epistemologi Islam yang menjadikan agama sebagai sumber utama dalam urusan sosial dan politik³.

Makalah ini bertujuan untuk meneliti falsafah tadbir urus Islam melalui beberapa dimensi utama: pertama, bagaimana prinsip ketuhanan menjadi asas dalam tadbir urus Islam, kedua, kelemahan falsafah tadbir urus Barat yang memisahkan moral dari politik, dan ketiga, kesan sejarah kolonial terhadap pembentukan struktur tadbir urus moden di negara-negara Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan falsafah, iaitu kaedah analisis yang meneliti konsep asas, prinsip normatif, dan kerangka epistemologi yang mendasari tadbir urus Islam. Pendekatan ini membolehkan perbandingan kritikal antara paradigma Islam dan Barat serta penilaian terhadap nilai dan struktur institusi dalam konteks sejarah dan kontemporari. Akhirnya, makalah ini akan mengemukakan cadangan falsafah untuk membina semula sistem tadbir urus Islam yang bukan hanya berkesan tetapi juga berintegriti, beretika, dan mempunyai jiwa.

Sorotan Literatur

Falsafah Tadbir Urus Islam: Kerangka Ketuhanan dan Etika

Falsafah tadbir urus Islam bertunjangkan kepada prinsip tauhid, yang menegaskan bahawa Allah SWT adalah sumber mutlak segala kuasa, nilai dan tujuan hidup manusia. Dalam kerangka ini, konsep kekuasaan bukan berlandaskan kekuatan ketenteraan, pengaruh politik atau dominasi ekonomi, tetapi bersumberkan amanah ilahi yang menuntut tanggungjawab (*mas'ūliyyah*), keadilan (*'adl*) dan kesedaran spiritual (*taqwā*). Maka, tadbir urus dalam Islam tidak pernah bersifat bebas nilai (*value-neutral*) sebagaimana dalam falsafah sekular moden, tetapi bersifat transenden, menyatukan dunia dan akhirat, zahir dan batin, teknikal dan moral.⁴ Arif dan Djasuli menekankan bahawa manusia sebagai pentadbir bukanlah pemilik kuasa,

² Marcel Maussen, Veit Bader, dan Annelies Moors, *Colonial Governance and the Regulation of Religion: Comparative Perspectives* (Leiden: Brill, 2011), 33–36.

³ Wael B. Hallaq, *The Impossible State: Islam, Politics, and Modernity's Moral Predicament* (New York: Columbia University Press, 2013), 19–22.

⁴ Seyyed Hossein Nasr, *The Heart of Islam: Enduring Values for Humanity* (New York: HarperOne, 2002), 112–115.

tetapi pemegang amanah (*amīn*).⁵ Justeru, mereka memperkenalkan lima prinsip utama dalam kerangka Islamic Good Corporate Governance (IGCG) iaitu:

1. Ketelusan – menuntut kejujuran dalam laporan dan komunikasi,
2. Akauntabiliti – bertanggungjawab bukan sahaja kepada manusia, tetapi juga kepada Allah,
3. Tanggungjawab – setiap tindakan mesti selaras dengan *maqāṣid syarī'ah*,
4. Kebebasan – bermakna keadilan dalam membuat keputusan tanpa dikongkong oleh kepentingan peribadi atau orang lain, dan
5. Keadilan – dasar kepada segala sistem Islamik; memberi hak kepada yang berhak.

Kelima-lima prinsip ini menggambarkan bahawa falsafah tadbir urus Islam adalah satu sistem etika ketuhanan yang menyeluruh, dan bukan semata-mata alat kawalan pentadbiran seperti dalam kerangka teknokratik Barat. Prinsip maslahat seperti yang dihuraikan oleh al-Ghazālī dalam *al-Mustasfā* pula menjadi asas epistemologi dalam penilaian dasar dan keputusan pentadbiran.⁶ Maslahat mencakupi lima perkara pokok (*ḍarūriyyāt al-khams*) iaitu:

1. Pemeliharaan agama (*ḥifẓ al-dīn*),
2. Pemeliharaan nyawa (*ḥifẓ al-nafs*),
3. Pemeliharaan akal (*ḥifẓ al-'aql*),
4. Pemeliharaan keturunan (*ḥifẓ al-nasl*), dan
5. Pemeliharaan harta (*ḥifẓ al-māl*).

Dalam konteks tadbir urus kontemporari, prinsip maslahat boleh diterjemahkan kepada dasar-dasar seperti:

- Pendidikan berteraskan nilai dan adab,
- Sistem kesihatan yang adil dan menyeluruh,
- Ekonomi yang menolak riba, eksploitasi dan ketidakadilan sosial,
- Perlindungan terhadap warisan budaya, institusi keluarga dan kelestarian alam.

Tambahan pula, Ibn Khaldun dalam *Muqaddimah* menegaskan bahawa kekuasaan yang sah dalam Islam mestilah berpaksikan nilai moral dan keadilan sosial, bukan hanya kekuatan politik atau pengaruh ketenteraan.⁷ Beliau menolak bentuk kerajaan yang didasarkan kepada *asabiyyah* melampau atau kezaliman raja, kerana ia akan menghancurkan struktur sosial dan membawa kepada kejatuhan tamadun.

Falsafah ini menunjukkan bahawa tadbir urus Islam bersifat normatif dan praktikal; ia membentuk kerangka prinsip moral (*uṣūl akhlāqīyyah*) serta menyediakan parameter struktur melalui institusi seperti *hisbah* (pengawasan pasaran dan etika), *syūrā* (musyawarah dalam pembuatan keputusan), Baitul mal (pengurusan kewangan negara), dan zakat (pengagihan kekayaan untuk keadilan sosial). Berbeza dengan pendekatan sekular yang memisahkan antara

⁵ Muhammad Sulton Arif dan Mohamad Djasuli, "Good Governance dalam Sudut Pandang Islam," *Jurnal Ekonomi, Manajemen, Bisnis, dan Sosial (EMBISS)* 2, no. 2 (2022): 207–218.

⁶ Al-Ghazālī, *al-Mustasfā min 'Ilm al-Usul* (Beirut: Dar al-Fikr, 1993), 245–250.

⁷ Ibn Khaldun, *Muqaddimah* (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 2005), hlm. 89–92.

etika dan polisi, Islam melihat kedua-duanya sebagai satu kesatuan (*tawḥīd al-qiyām wa al-bunyah*), di mana setiap dasar awam mesti dinilai dari sudut kebenaran, kesahihan nilai, dan kesan spiritual.

Dengan kata lain, falsafah tadbir urus Islam menolak rasionalisme radikal, individualisme melampau dan sekularisasi yang meminggirkan Tuhan daripada pentadbiran. Sebaliknya, Islam menawarkan model alternatif pentadbiran yang menjadikan tauhid sebagai sumber ontologi, *masalahah* sebagai asas pertimbangan dalam membuat keputusan dan penilaian ilmu, serta keadilan sebagai asas struktur.

TAHAP	KOMPONEN	PENJELASAN	CONTOH APLIKASI
1. Tauhid	Keesaan Tuhan sebagai sumber mutlak kuasa dan nilai	Allah adalah pemilik kuasa; manusia sebagai khalifah dan pemegang amanah	Kesedaran bahawa semua kuasa politik adalah amanah (<i>amānah</i>) dan tertakluk kepada pertanggungjawaban ukhrawi
2. Nilai (Etika Transenden)	Nilai-nilai yang lahir daripada tauhid: <i>‘adl, amānah, iḥsān, shūrā, maṣlahah, taqwā</i>	Nilai ini menjadi dasar pertimbangan dalam merangka dasar, polisi dan hukum	Menggubal dasar kesihatan yang adil (<i>ḥifẓ al-nafs</i>), ekonomi tanpa riba (<i>ḥifẓ al-māl</i>), dan pendidikan adab
3. Struktur	Institusi dan mekanisme yang menyusun sistem nilai secara tersusun	Institusi seperti Baitul mal, zakat, <i>hisbah</i> , mahkamah syariah, sistem syura, ijtihad, dan <i>wilāyah al-mazālim</i>	Pembentukan Majlis Syura, reformasi zakat sebagai alat pembangunan sosial, institusi pengawasan akauntabiliti
4. Tindakan (Amalan Tadbir Urus)	Pelaksanaan dasar dan urus tadbir berdasarkan nilai dan struktur yang sah	Tadbir urus sebagai ibadah (<i>ibādah mu‘āmalah</i>), bukan sekadar prosedur teknikal	Pelaksanaan projek pembangunan berpaksikan <i>maqāṣid syarī‘ah</i> ; pemantauan pentadbiran berdasarkan keadilan sosial

Jadual 1: Kerangka Falsafah Tadbir Urus Islam⁸

⁸ Jadual 1 dibina berdasarkan sintesis daripada sumber normatif Islam (al-Qur’an, hadis) dan kajian kontemporari (Muhammad Sulton Arif dan Mohamad Djasuli, “Good Governance dalam Sudut Pandang Islam,” *Jurnal Ekonomi, Manajemen, Bisnis, dan Sosial (EMBISS)* 2, no. 2 (2022): 207–218.): 12–24; Marcel Maussen, Veit Bader, dan Annelies Moors, eds., *Colonial and Post-Colonial Governance of Islam: Continuities and Ruptures* (Amsterdam: Amsterdam University Press, 2011)).

Kritikan terhadap Falsafah Tadbir Urus Barat

Falsafah tadbir urus Barat pada umumnya berpaksikan kepada dua asas besar: sekularisme dan utilitarianisme. Sekularisme memisahkan antara agama dan urusan pentadbiran negara, manakala utilitarianisme mengukur kejayaan pentadbiran berdasarkan keberkesanan fungsi dan manfaat material maksimum kepada masyarakat. Sistem ini menekankan rasionaliti instrumental, iaitu pencapaian objektif melalui pengurusan sumber yang cekap dan terancang tanpa mempertimbangkan nilai moral atau spiritual sebagai sebahagian daripada pertimbangan dasar.⁹

Walaupun sistem ini berjaya menghasilkan struktur yang sistematik dan prosedur yang cekap, ia juga mengundang pelbagai krisis etika dan spiritual. Seyyed Hossein Nasr mengkritik bahawa rasionalisme Barat yang meletakkan manusia sebagai pusat segala ukuran (*anthropocentrism*) telah menyingkirkan nilai ketuhanan daripada ruang awam.¹⁰ Akibatnya, tadbir urus menjadi terhad dari segi rohani dan kehilangan keupayaan untuk menjawab soalan-soalan tentang makna dan moral. Sistem yang dikuasai oleh kepentingan ekonomi dan kuasa politik akhirnya mewujudkan mesin pentadbiran yang efisien tetapi tidak berperikemanusiaan.

Dari sudut epistemologi pula, Choudhury menegaskan bahawa sistem Barat mengalami krisis nilai kerana memisahkan antara ilmu dan etika, serta antara fakta dan makna.¹¹ Dalam sistem sekular, pengetahuan dianggap neutral dan objektif, dan tidak perlu dikaitkan dengan nilai moral. Hal ini membawa kepada penjaan dasar awam dan undang-undang yang mungkin sah dari segi teknikal, tetapi menindas dari segi moral dan sosial, seperti dasar pasaran bebas yang memperkukuh ketidaksetaraan sosial dan marginalisasi golongan lemah.

Fukuyama dalam kajiannya mengenai institusi politik moden menyatakan bahawa tekanan terhadap keberkesanan teknokratik menjadikan sistem pentadbiran semakin birokratik, hierarkikal, dan tidak responsif terhadap keperluan moral masyarakat.¹² Fungsi-fungsi sosial seperti pendidikan, penjagaan kesihatan dan perkhidmatan awam dilihat semata-mata sebagai unit pengurusan, bukan medan untuk membina manusia atau memperkukuh komuniti. Tadbir urus sebegini akhirnya mewujudkan jurang antara negara dan rakyat, kerana tiadanya asas nilai bersama yang menyatukan visi kemasyarakatan.

Tambahan pula, sistem tadbir urus Barat tidak menyediakan ruang untuk akauntabiliti spiritual, iaitu tanggungjawab manusia kepada sesuatu yang lebih tinggi daripada perlembagaan atau kehendak rakyat. Konsep popular *sovereignty* (kedaulatan rakyat) dalam kerangka sekular telah menjadikan manusia sebagai sumber mutlak hukum dan nilai. Ini bertentangan dengan epistemologi Islam yang menjadikan Allah sebagai sumber mutlak autoriti dan nilai (*al-Haqq*), dan manusia hanyalah pemegang amanah (*khalifah*) yang tertakluk kepada pertanggungjawaban ukhrawi.¹³

⁹ Masudul Alam Choudhury, *Islamic Economics and Finance: An Epistemological Inquiry* (Cheltenham: Edward Elgar, 2007), 88–90.

¹⁰ Seyyed Hossein Nasr, *The Heart of Islam: Enduring Values for Humanity* (New York: HarperOne, 2002), 112–115.

¹¹ Choudhury, *Islamic Economics and Finance*, 91–94.

¹² Francis Fukuyama, *Political Order and Political Decay* (New York: Farrar, Straus and Giroux, 2013), 133–137.

¹³ Seyyed Hossein Nasr, *The Heart of Islam: Enduring Values for Humanity* (New York: HarperOne, 2002); Wael B. Hallaq, *The Impossible State: Islam, Politics, and Modernity's Moral Predicament* (New York: Columbia University Press, 2013); Ismail Raji al-Faruqi, *Islamization of Knowledge: General Principles and*

Dalam konteks ini, falsafah Islam menawarkan alternatif holistik yang menyatukan antara keberkesanan teknikal dan nilai moral-spiritual. Islam tidak menolak keberkesanan, tetapi menekankan bahawa keberkesanan mesti disalurkan melalui nilai-nilai seperti *'adl* (keadilan), *amānah* (tanggungjawab), *ihsān* (cemerlang dalam integriti), dan maslahat (kebaikan awam). Islam tidak membina pentadbiran berdasarkan pengasingan antara nilai dan struktur, tetapi berdasarkan integrasi antara tauhid (kesatuan Tuhan) dan *tanzīm* (pengurusan sosial).¹⁴

Falsafah tadbir urus Islam bukan sahaja melihat pencapaian material sebagai matlamat, tetapi juga menilai aspek moral, *maqāṣid syarī'ah* dan keredaan Ilahi sebagai ukuran kejayaan. Dengan ini, tadbir urus menjadi sebahagian daripada ibadah, bukan hanya aktiviti politik atau ekonomi. Inilah perbezaan paling asas antara dua sistem falsafah ini: Barat membina sistem berdasarkan manusia sebagai pusat kuasa dan nilai, Islam membina sistem berdasarkan Tuhan sebagai sumber segala kebenaran, amanah dan perundangan.

Institusi Islam dan Warisan Kolonial: Pengaruh Sejarah terhadap Struktur Tadbir Urus

Pandangan kolonial terhadap masyarakat Islam di Tanah Melayu tidak sekadar berbentuk politik dan ekonomi, malah turut mencorakkan naratif epistemik dan sosiobudaya yang merendah-rendahkan nilai dan institusi tempatan. Pihak kolonial khususnya dalam teks W.E. Maxwell, R.O. Winstedt, dan J.S. Swettenham sering menggambarkan masyarakat Melayu sebagai tidak bertamadun, tidak mempunyai sejarah bertulis yang jelas, dan perlu ditamadunkan melalui penjajahan. Gagasan ini disebut sebagai *The Civilizing Mission*, iaitu andaian bahawa tugas penjajah adalah untuk membawa kemajuan dan peraturan kepada masyarakat yang dianggap mundur dan barbarik.¹⁵

Naratif ini seterusnya digunakan untuk melegitimasi tindakan pengubahsuaian terhadap institusi-institusi Islam seperti mahkamah syariah, institusi zakat, dan sistem pendidikan pondok. Institusi tersebut dilihat sebagai sebahagian daripada struktur sosial yang lapuk dan tidak efisien menurut ukuran pentadbiran Barat. Justeru, sistem perundangan Islam difokuskan kepada isu kekeluargaan semata-mata, manakala urusan kenegaraan dan ekonomi diletakkan di bawah undang-undang sivil kolonial.

Tambahan pula, masyarakat Melayu dan institusi Islam digambarkan sebagai mangsa kepada kemunduran Islam yang dikatakan telah hilang semangat intelektualnya selepas kejatuhan Baghdad. Sarjana kolonial dan orientalis sering mengaitkan fenomena ini dengan apa yang mereka istilahkan sebagai *Oriental Despotism* iaitu anggapan bahawa raja-raja di dunia Timur, termasuk Kesultanan Melayu, memerintah secara zalim dan mutlak tanpa semak danimbang.¹⁶ Pandangan ini memperlekehkan sistem syura dan muhasabah dalam tradisi Islam

Work Plan (Herndon, VA: International Institute of Islamic Thought, 1982); al-Ghazali, *Al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1993); Masudul Alam Choudhury, *Islamic Economics and Finance: An Epistemological Inquiry* (London: Routledge, 2007).

¹⁴ Seyyed Hossein Nasr, *The Heart of Islam: Enduring Values for Humanity* (New York: HarperOne, 2002); al-Ghazali, *Al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1993); Ismail Raji al-Faruqi, *Islamization of Knowledge: General Principles and Work Plan* (Herndon, VA: International Institute of Islamic Thought, 1982); Masudul Alam Choudhury, *Islamic Economics and Finance: An Epistemological Inquiry* (London: Routledge, 2007).

¹⁵ Marcel Maussen, Veit Bader, dan Annelies Moors, *Colonial Governance and the Regulation of Religion: Comparative Perspectives* (Leiden: Brill, 2011), 33–36.

¹⁶ Theda Skocpol, "Bringing the State Back In," dalam *Bringing the State Back In*, suntingan Peter Evans, Dietrich Rueschemeyer, dan Theda Skocpol (Cambridge: Cambridge University Press, 1985), 3–37.

yang sebenar. Dalam naratif Barat, agama Islam sendiri dianggap sebagai penghalang kepada kemajuan kerana dikaitkan dengan ketaasuban dan anti-rasionalisme.

Impak daripada naratif ini adalah pengubahan fungsi institusi Islam daripada penggerak nilai masyarakat kepada instrumen pentadbiran yang dikawal negara. Contohnya, pentadbiran zakat yang dulunya dikendalikan secara komuniti dan berbentuk kebertanggungjawaban sosial (*'amal jamā'ī*), kini telah menjadi agensi birokratik yang dikendalikan secara teknokratik. Mahkamah Syariah yang dahulu menyelesaikan pelbagai urusan masyarakat, telah disempitkan hanya kepada isu kekeluargaan dan faraid.

Daripada sudut falsafah, warisan ini telah menyebabkan pemutusan epistemologi antara nilai dan struktur dalam institusi Islam. Islam telah di reduksi menjadi simbol agama dan ritual semata-mata, sedangkan peranannya sebagai sumber nilai sosial dan negara telah dipinggirkan. Ini menimbulkan persoalan kritikal: bagaimanakah institusi Islam dapat dikembalikan kepada fungsi asalnya sebagai penjaga *maqāṣid* dan pembina peradaban?

Jawapannya terletak pada rekonstruksi falsafah institusi, bukan sekadar reformasi teknikal. Perlu ada penilaian semula terhadap naratif kolonial yang telah membelenggu pemikiran dan digantikan dengan epistemologi Islam yang menegaskan bahawa institusi bukan sahaja sebagai alat pentadbiran, tetapi juga amanah Tuhan dan alat *tanzim* sosial yang berjiwa. Seperti ditegaskan oleh Hallaq, masalah sebenar bukanlah institusi agama itu sendiri, tetapi sistem negara moden yang tidak mampu menerima kerangka epistemologi Islam yang menyeluruh.¹⁷

ASPEK	NARATIF KOLONIAL	EPISTEMOLOGI ISLAM
1. Premis Asas Falsafah	Barat datang dengan misi <i>civilizing mission</i> masyarakat Melayu dianggap mundur dan perlu ditamadunkan	Setiap bangsa memiliki potensi fitrah dan akal; Islam datang untuk menyempurna dan membimbing, bukan merendahkan
2. Pandangan terhadap Masyarakat Melayu	Melayu dianggap tidak bertamadun, pasif, tidak rasional dan tanpa sejarah	Masyarakat Melayu memiliki peradaban tersendiri dengan akar ilmu, bahasa, sistem hukum dan adab yang berasaskan tauhid
3. Fungsi Institusi Agama	Institusi Islam (zakat, mahkamah, pondok) dilihat kolot dan diubah suai sebagai alat kawalan	Institusi Islam ialah <i>ḥisbah</i> dan penjaga <i>maqāṣid</i> memainkan peranan moral dan sosial dalam masyarakat
4. Sistem Pentadbiran dan Hukum	Syariah dihadkan kepada kekeluargaan sahaja; perundangan awam dipusatkan pada hukum Barat sekular	Syariah ialah sistem menyeluruh (<i>shāmil</i>) merangkumi akidah, akhlak, muamalat dan kenegaraan

¹⁷ Wael B. Hallaq, *The Impossible State: Islam, Politics, and Modernity's Moral Predicament* (New York: Columbia University Press, 2013), 19–22.

5. Sejarah dan Legitimasi Kuasa	Melayu digambarkan tiada sejarah bertulis; sistem kesultanan dikaitkan dengan <i>oriental despotism</i>	Sejarah Melayu-Islam kaya dengan sumber seperti batu bersurat, hikayat, undang-undang; kuasa sultan terikat dengan syariah dan baiah
6. Nilai dan Tujuan Tadbir Urus	Fokus pada keberkesanan teknikal, hasil ekonomi, dan kawalan birokratik	Tadbir urus ialah amanah, ibadah dan jihad sosial bertujuan capai keredaan Ilahi dan kesejahteraan ummah
7. Ilmu dan Pendidikan	Pendidikan Islam dipinggirkan, sekolah vernakular dan sistem Barat dijadikan standard kemajuan	Ilmu ialah integrasi <i>naqlī-‘aqlī</i> ; madrasah dan pondok ialah pusat pembangunan insan dan rohani

Jadual 2: Perbandingan naratif kolonial dan epistemologi Islam

Naratif kolonial mencipta kerangka *inferioriti* Melayu-Islam, lalu merombak institusi dan epistemologi Islam atas nama kemajuan. Sebaliknya, epistemologi Islam membina struktur masyarakat berasaskan nilai fitrah, tauhid dan adab yang menghormati sejarah dan warisan tempatan. Proses dekonstruksi naratif kolonial dan rekonstruksi falsafah Islam perlu menjadi asas dalam membina semula tadbir urus yang adil.

Peranan Institusi Agama dan Kepimpinan dalam Tadbir Urus Nilai

Sorotan literatur juga menunjukkan bahawa cabaran utama dalam tadbir urus Islam hari ini ialah kelemahan institusi agama dalam memainkan peranan sebagai pengimbang kuasa. Umam berpendapat bahawa institusi agama sering gagal berfungsi sebagai penjaga moral awam, walaupun ajaran Islam jelas menolak penyelewengan kuasa. Beliau menyarankan agar institusi agama ini direvitalisasi agar mampu menjadi agen perubahan yang berkesan dan bebas daripada pengaruh politik.¹⁸

Scott Beets pula menyatakan bahawa walaupun tahap keagamaan masyarakat tinggi, ia tidak menjamin tadbir urus yang baik; sebaliknya, struktur institusi yang kukuh dan sistematik termasuk mekanisme pengawasan, peraturan yang jelas, dan pemisahan kuasa merupakan elemen penting untuk memastikan tadbir urus yang beretika.¹⁹ Dalam hal ini, Ismail Raji al-Faruqi menekankan keperluan untuk *Islamization of Knowledge* agar ilmu dan pentadbiran tidak terpisah daripada prinsip tauhid yang menjadi teras setiap aspek pentadbiran.²⁰ Dengan kata lain, revitalisasi institusi agama dan pemerkasaan kepimpinan beretika adalah langkah penting untuk memastikan tadbir urus Islam bukan sahaja berkesan dari segi teknikal, tetapi juga berintegriti dan berlandaskan nilai ketuhanan. Tanpa struktur institusi yang kukuh, prinsip-prinsip Islam dalam tadbir urus akan sukar dilaksanakan sepenuhnya.

¹⁸ Umam, K. "Revitalizing Religious Institutions in Muslim Societies," *Islamic Governance Review* 6, no. 1 (2014): 22–25.

¹⁹ Beets, S. "Religion and Governance: A Structural Analysis," *Journal of Ethics and Public Policy* 23, no. 1 (2007): 101–104.

²⁰ Al-Faruqi, I. R. *Islamization of Knowledge: General Principles and Work Plan* (Herndon, VA: IIIT, 1982).

Skop dan Metodologi

Makalah ini mengkaji falsafah tadbir urus Islam sebagai suatu sistem nilai yang menggabungkan dimensi ketuhanan, struktur institusi dan naratif sejarah. Skop kajian ini tidak bertujuan untuk menilai secara empirikal keberkesanan pentadbiran mana-mana negara Islam secara spesifik. Sebaliknya, ia memberi tumpuan kepada usaha membina suatu kerangka falsafah yang boleh dijadikan asas bagi reformasi institusi dalam tradisi Islam, khususnya yang berkaitan dengan tadbir urus berasaskan nilai ketuhanan.

Kajian ini bertolak daripada kefahaman bahawa falsafah tadbir urus Islam bukan sekadar berkait dengan aspek undang-undang atau struktur pentadbiran semata-mata, tetapi juga melibatkan asas ontologi dan epistemologi yang lahir daripada konsep tauhid. Konsep-konsep seperti amanah, keadilan, dan maslahat dilihat bukan hanya sebagai prinsip etika, tetapi sebagai unsur penggerak kepada struktur sosial dan politik yang berakar dalam pemikiran Islam. Oleh itu, pendekatan kualitatif dan reflektif dipilih sebagai asas metodologi kajian ini kerana ia membolehkan penelusuran terhadap makna dan struktur nilai yang tidak dapat diukur secara kuantitatif.

Pendekatan ini disokong oleh pandangan John W. Creswell yang menyatakan bahawa kajian kualitatif amat sesuai apabila objektif penyelidikan adalah untuk memahami pengalaman dan makna manusia dalam konteks sosial dan budaya yang kompleks.²¹ Dalam konteks kajian ini, pendekatan falsafah memberi ruang untuk menganalisis bukan sahaja teks dan doktrin, tetapi juga struktur pemikiran serta nilai yang terdapat dalam sistem pentadbiran Islam. Falsafah Islam dalam hal ini tidak dilihat sebagai satu sistem normatif yang terpisah daripada realiti institusi, tetapi sebagai kerangka epistemologi yang menyusun cara umat Islam memahami kuasa, tanggungjawab, dan keadilan dalam masyarakat.

Sebagai pelengkap kepada analisis falsafah, kajian ini turut menggunakan pendekatan sejarah institusi. Tujuannya adalah untuk memahami bagaimana institusi-institusi Islam seperti mahkamah syariah, pentadbiran zakat, dan sistem pendidikan agama telah mengalami transformasi sejak era kolonial. Pendekatan ini berasaskan teori yang dikemukakan oleh Theda Skocpol, yang menekankan bahawa perubahan institusi tidak hanya berlaku melalui dasar rasmi, tetapi turut dipengaruhi oleh struktur kuasa dan budaya yang mengelilinginya.²² Tambahan pula, James Mahoney dan Kathleen Thelen menekankan bahawa perubahan institusi boleh berlaku secara bertahap dan tidak semestinya melalui reformasi menyeluruh; sebaliknya ia boleh mengambil bentuk penyesuaian halus yang berlaku secara berterusan.²³

Pendekatan sejarah ini penting kerana ia membolehkan pemahaman yang lebih kritikal terhadap bagaimana warisan kolonial telah membentuk institusi-institusi Islam moden. Misalnya, banyak institusi agama dalam dunia Islam telah mengalami penyusutan kuasa autonomi dan fungsinya diselaraskan menurut acuan pentadbiran kolonial, seperti yang dikaji

²¹ John W. Creswell, *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches*, 3rd ed. (Thousand Oaks, CA: Sage, 2013), 76–79.

²² Theda Skocpol, "Bringing the State Back In," dalam *Bringing the State Back In*, suntingan Peter Evans, Dietrich Rueschemeyer, dan Theda Skocpol (Cambridge: Cambridge University Press, 1985), 3–37.

²³ James Mahoney dan Kathleen Thelen, *Explaining Institutional Change: Ambiguity, Agency, and Power* (Cambridge: Cambridge University Press, 2010), 1–28.

oleh Marcel Maussen, Veit Bader, dan Annelies Moors.²⁴ Dalam konteks ini, memahami transformasi sejarah institusi adalah penting untuk membina semula struktur tadbir urus yang berasaskan nilai-nilai Islam yang asal.

Reka bentuk kajian ini adalah bersifat eksploratif, dengan kaedah utama pengumpulan data ialah analisis dokumen. Tiga dokumen akademik dijadikan sumber primer kerana kepentingannya dalam mewakili tiga dimensi utama kajian ini, iaitu falsafah nilai, cabaran etika, dan pengaruh sejarah terhadap institusi Islam. Dokumen pertama ialah artikel oleh Arif dan Djasuli yang membincangkan prinsip *Islamic Good Corporate Governance* (IGCG), yang mengintegrasikan prinsip-prinsip Islam dalam struktur tadbir urus moden.²⁵ Artikel kedua ialah tulisan Umam yang meneliti hubungan antara institusi agama dan amalan rasuah dalam masyarakat Islam, sekali gus membangkitkan persoalan tentang integriti institusi agama dalam konteks kontemporari.²⁶ Dokumen ketiga ialah buku suntingan Maussen, Bader dan Moors yang menganalisis sejarah dan struktur institusi Islam di bawah kolonialisme, serta transformasi pasca-kolonial.²⁷

Data daripada ketiga-tiga dokumen ini dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik seperti yang dikembangkan oleh Virginia Braun dan Victoria Clarke.²⁸ Kaedah ini membolehkan pengkaji mengenal pasti tema-tema utama yang berulang dalam teks, serta menyusun data secara sistematik untuk mengenal pasti pola pemikiran yang konsisten. Dalam kajian ini, tiga tema utama yang dikenal pasti ialah: tauhid sebagai asas falsafah tadbir urus, warisan kolonial terhadap institusi Islam, dan cabaran membina semula kerangka institusi berdasarkan nilai. Tema-tema ini dianalisis bukan hanya secara deskriptif, tetapi melalui pendekatan kritikal yang merujuk kepada kerangka falsafah dan konteks sejarah yang relevan.

Dalam menganalisis dokumen, kajian ini turut mengambil kira kemungkinan bias budaya dan politik yang terkandung dalam sumber-sumber tersebut. Justeru, pendekatan analisis silang digunakan untuk meningkatkan kebolehpercayaan dan ketelusan hasil kajian. Menurut Lincoln dan Guba, kebolehpercayaan dalam kajian kualitatif bergantung kepada ketekalan, kredibiliti dan kebolehpindahan.²⁹ Oleh itu, refleksi pengkaji terhadap kedudukan dan latar belakang sendiri atau personal turut diambil kira dalam proses pentafsiran, bagi mengurangkan pengaruh bias subjektif yang tidak disedari.

Secara keseluruhannya, metodologi kajian ini dibina untuk menggabungkan kekuatan analisis falsafah dan sejarah dalam usaha memahami dan membina semula tadbir urus Islam sebagai satu sistem nilai yang menyeluruh. Ia menggabungkan elemen normatif, institusi, dan kontekstual secara serentak, dengan menekankan bahawa reformasi tadbir urus tidak boleh hanya berlaku di peringkat struktur, tetapi juga perlu bertolak daripada pembinaan semula falsafah dan nilai yang menjadi asas kepada institusi.

²⁴ Marcel Maussen, Veit Bader, dan Annelies Moors, *Colonial Governance and the Regulation of Religion: Comparative Perspectives* (Leiden: Brill, 2011), 33–36.

²⁵ Muhammad Sulton Arif dan Mohamad Djasuli, "Good Governance dalam Sudut Pandang Islam," *Jurnal Ekonomi, Manajemen, Bisnis, dan Sosial (EMBISS)* 2, no. 2 (2022): 207–218.

²⁶ Umam, "Revitalizing Religious Institutions in Muslim Societies," *Islamic Governance Review*, 2014, 22–25.

²⁷ Ibid.

²⁸ Virginia Braun dan Victoria Clarke, "Using Thematic Analysis in Psychology," *Qualitative Research in Psychology* 3, no. 2 (2006): 77–101.

²⁹ Yvonna S. Lincoln dan Egon G. Guba, *Naturalistic Inquiry* (Newbury Park, CA: Sage, 1985), 290–294.

Dapatan Kajian

Dapatan kajian diperoleh melalui analisis dokumen akademik yang meneliti hubungan antara falsafah tadbir urus Islam, kelemahan kerangka tadbir urus Barat, dan kesan sejarah kolonial terhadap institusi-institusi Islam. Hasil analisis ini membuahkan beberapa dapatan penting yang saling berkait, membentuk gambaran menyeluruh tentang cabaran dan potensi pembangunan tadbir urus Islam dalam konteks kontemporari.

Antara dapatan utama ialah penegasan kedudukan prinsip tauhid sebagai asas falsafah tadbir urus Islam. Tauhid bukan sekadar prinsip teologi, tetapi menjadi asas kepada pemahaman kuasa, tanggungjawab dan struktur masyarakat. Ia menekankan bahawa segala bentuk kuasa dan amanah adalah milik mutlak Allah, manakala manusia sebagai khalifah hanyalah pemegang amanah yang wajib bertanggungjawab kepada Tuhan dan masyarakat. Dalam konteks tadbir urus, perkara ini membawa implikasi besar iaitu setiap tindakan pentadbiran hendaklah berpaksaan nilai ketuhanan seperti keadilan, amanah, dan maslahat.

Dalam kerangka ini, Arif dan Djasuli menggariskan lima prinsip utama dalam *Islamic Good Corporate Governance* (IGCG) iaitu ketelusan (*transparency*), akauntabiliti (*accountability*), tanggungjawab (*responsibility*), kebebasan (*independence*), dan keadilan (*fairness*).³⁰ Prinsip-prinsip ini bukan sahaja bersifat teknikal dalam pengurusan korporat, tetapi juga mencerminkan nilai etika dan spiritual dalam Islam, menjadikan tadbir urus sebagai suatu bentuk ibadah dan jihad sosial yang menyatukan keberkesanan pentadbiran dengan kesahihan moral. Oleh itu, tadbir urus Islam tidak boleh dipisahkan daripada dimensi rohani yang menjadi tunjang etika pentadbiran.

Sebaliknya, falsafah tadbir urus Barat yang berasaskan sekularisme dan utilitarianisme didapati mempunyai beberapa kelemahan struktural. Pendekatan ini menekankan keberkesanan teknikal dan pencapaian objektif material, namun sering mengabaikan dimensi moral dan spiritual. Seyyed Hossein Nasr mengkritik bahawa sistem moden yang berakar dalam pemikiran Barat telah memisahkan ilmu daripada nilai, dan menjadikan pentadbiran sebagai amalan teknokrasi yang tidak terikat dengan tanggungjawab transenden.³¹ Masudul Alam Choudhury turut berpendapat bahawa epistemologi Barat gagal menyediakan asas nilai yang kukuh kerana ia menolak integrasi antara wahyu dan akal, antara etika dan struktur.³² Dalam konteks ini, falsafah tadbir urus Islam menawarkan alternatif yang lebih menyeluruh, di mana keberkesanan ditimbang bukan sahaja berdasarkan hasil duniawi, tetapi juga pada keredaan Ilahi serta keseimbangan antara hak individu dan tanggungjawab sosial.

Kajian ini turut mendapati bahawa warisan kolonial telah meninggalkan kesan mendalam terhadap struktur dan fungsi institusi Islam di pelbagai negara. Kajian oleh Maussen, Bader dan Moors menunjukkan bahawa pentadbiran kolonial telah merombak institusi Islam menjadi

³⁰ Muhammad Sulton Arif dan Mohamad Djasuli, "Good Governance dalam Sudut Pandang Islam," *Jurnal Ekonomi, Manajemen, Bisnis, dan Sosial (EMBISS)* 2, no. 2 (2022): 207–218.

³¹ Seyyed Hossein Nasr, *The Heart of Islam: Enduring Values for Humanity* (New York: HarperOne, 2002), 112–115.

³² Masudul Alam Choudhury, *Islamic Economics and Finance: An Epistemological Inquiry* (Cheltenham: Edward Elgar, 2007), 88–90.

instrumen kawalan, bukan lagi sumber nilai atau identiti masyarakat.³³ Di Sudan, misalnya, pentadbiran British menubuhkan institusi pendidikan Islam yang dikawal rapi untuk melahirkan ulama yang taat kepada kuasa kolonial. Di Tunisia, struktur hukum Islam yang diwarisi daripada Uthmaniyyah telah diubah suai oleh Perancis demi keperluan pentadbiran sekular. Di Malaysia, legasi kolonial mewujudkan sistem dwi-perundangan yang memisahkan undang-undang sivil dan syariah, sekali gus menjadikan Islam sebagai satu komponen hukum yang terhad kepada urusan kekeluargaan dan ibadah semata-mata.

Dari sudut falsafah, transformasi kolonial ini telah marginalisasikan Islam daripada struktur kuasa politik dan pentadbiran. Islam yang asalnya bersifat menyeluruh (syumul) telah di pecah kepada domain ritual, hukum peribadi dan simbol budaya, manakala kuasa negara dikendalikan menurut logik sekular. Ini menimbulkan persoalan mendalam tentang bagaimana prinsip-prinsip tadbir urus Islam dapat dikembalikan ke dalam struktur institusi moden secara menyeluruh dan beretika. Jika dibiarkan tanpa pembaharuan, warisan struktur ini akan terus menyekat potensi Islam dalam memberikan sumbangan sebenar terhadap keadilan sosial dan kesejahteraan umat.

Selain itu, dapatan kajian juga menekankan peranan penting institusi agama dan kepimpinan Islam dalam pembentukan tadbir urus yang berintegriti. Umam berhujah bahawa institusi agama dalam banyak negara Islam gagal memainkan peranan sebagai penjaga moral masyarakat.³⁴ Walaupun Islam memiliki ajaran yang tegas dalam menentang rasuah, penindasan dan penyalahgunaan kuasa, pelaksanaan nilai-nilai ini dalam sistem pentadbiran kerap kali tidak konsisten. Beliau menekankan bahawa revitalisasi institusi agama adalah perlu agar ia dapat kembali berfungsi sebagai agen pembaharuan dan pengawasan sosial yang efektif, bukan sekadar simbol tradisi.

Pandangan ini turut disokong oleh kajian Beets, yang mendapati bahawa tingkat keagamaan individu atau masyarakat tidak semestinya menjamin keberkesanan tadbir urus, melainkan disertai oleh struktur institusi yang kukuh dan kepimpinan yang berintegriti.³⁵ Ini menunjukkan bahawa keimanan peribadi mesti diterjemahkan dalam bentuk amalan institusi yang sistematik dan berasaskan nilai. Tadbir urus yang baik dalam kerangka Islam memerlukan kesepaduan antara nilai spiritual, struktur institusi, dan keupayaan teknikal.

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini menggariskan bahawa membina semula tadbir urus Islam yang berintegriti bukan sekadar soal menetapkan prinsip normatif, tetapi memerlukan kefahaman mendalam terhadap evolusi sejarah dan hierarki institusi yang mewarnai realiti semasa. Ia menuntut pendekatan falsafah yang kritikal dan sejarah yang reflektif, agar nilai-nilai ketuhanan dapat diterjemahkan dalam sistem pentadbiran yang adil, berkesan dan lestari.

Analisis Kajian

Analisis kajian ini menggariskan empat tema utama yang muncul daripada dapatan, iaitu tauhid sebagai asas falsafah tadbir urus, kegagalan sistem Barat dalam membina tadbir urus beretika, warisan kolonial dan institusi Islam, serta keperluan sintesis antara falsafah dan

³³ Marcel Maussen, Veit Bader, dan Annelies Moors, eds., *Colonial and Post-Colonial Governance of Islam: Continuities and Ruptures* (Amsterdam: Amsterdam University Press, 2011), 33–36.

³⁴ Umam, "Revitalizing Religious Institutions, 22–25.

³⁵ Scott Beets, "Religion and Governance: A Structural Analysis," *Journal of Ethics and Public Policy*, 2007, 101–104.

struktur. Setiap tema dianalisis secara tematik dengan menelusuri makna yang tersirat serta hubungan antara teks, konteks sejarah, dan kerangka falsafah Islam.

Tauhid sebagai Asas Ontologi dan Epistemologi Tadbir Urus

Epistemologi dalam pembinaan sistem pentadbiran Islam berpaksikan kepada prinsip bahawa kebenaran dan autoriti berpunca daripada *al-Haqq* (Yang Maha Benar), dan bukan daripada kehendak kolektif manusia atau konsensus rasional semata-mata.³⁶ Dalam kerangka ini, tauhid melahirkan prinsip keesaan nilai, iaitu pentadbiran tidak boleh terpisah daripada nilai-nilai ketuhanan seperti *'adl* (keadilan), *rahmah* (belas kasihan) dan *shūrā* (musyawarah). Maka dalam Islam, setiap dasar dan tindakan pentadbiran perlu dinilai dalam kerangka tanggungjawab ukhrawi, dan bukan sekadar keberkesanan duniawi. Arif dan Djasuli menekankan bahawa ICGG bukan sekadar instrumen teknikal korporat, tetapi penzahiran falsafah tauhid dalam urus tadbir.³⁷

Hal ini bertepatan dengan pandangan Ibn Khaldun, yang menjelaskan bahawa kekuasaan tanpa dasar moral akan berubah menjadi *istibdād* (kezaliman) yang menghancurkan struktur sosial.³⁸ Tambahan lagi, prinsip tauhid juga menuntut pemisahan kuasa dalam sistem pemerintahan bukan atas dasar popular *sovereignty* (kedaulatan rakyat) semata-mata, tetapi demi memastikan tiada individu atau institusi yang menyalahguna kuasa amanah yang dipikulnya. Oleh itu, tauhid melahirkan prinsip akauntabiliti moral secara transenden, satu prinsip yang tidak wujud dalam sekularisme Barat.

ASPEK FALSAFAH	PENJELASAN BERDASARKAN KONSEP TAUHID	IMPLIKASI TERHADAP TADBIR URUS ISLAM	RUJUKAN
Ontologi Kuasa	Kuasa mutlak hanya milik Allah (<i>al-Haqq</i>); manusia hanyalah pemegang amanah	Kuasa pentadbiran tidak boleh bersifat mutlak atau autokratik; mesti tunduk pada prinsip amanah	Nasr (2002); Ibn Khaldun (2005)
Epistemologi Kebenaran	Sumber autoriti berasal daripada wahyu, bukan daripada konsensus rasional manusia semata-mata	Semua dasar perlu ditimbang berdasarkan kebenaran Ilahi, bukan semata-mata logik atau kehendak majoriti	Nasr (2002)
Keesaan Nilai (<i>Unity of Values</i>)	Pentadbiran mesti berpaksikan nilai Tuhan: <i>'adl, rahmah, shūrā, taqwā</i>	Sistem mesti menggabungkan keberkesanan dengan etika, spiritualiti dan	Arif & Djasuli (2022)

³⁶ Seyyed Hossein Nasr, *The Heart of Islam: Enduring Values for Humanity* (New York: HarperOne, 2002), 112–115 and Ibrahim, 'Adnin ., & Ab Rahman, A. . (2024). Shariah Governance on Resolutions of Waqf Development Issues in Malaysia: Case Studies in Selected States. *Jurnal Syariah*, 32(1), 41–73

³⁷ Muhammad Sulton Arif dan Mohamad Djasuli, "Good Governance dalam Sudut Pandang Islam," *Jurnal Ekonomi, Manajemen, Bisnis, dan Sosial (EMBISS)* 2, no. 2 (2022): 207–218.

³⁸ Ibn Khaldun, *Muqaddimah* (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 2005), 89–92.

		tanggungjawab ukhrawi	
Etika Pemerintahan	Tauhid menolak monopoli kuasa tanpa moral; mendorong ke arah nilai adil dan akauntabiliti	Pemerintahan yang tidak disemak secara moral akan berubah menjadi <i>istibdād</i> (kezaliman)	Ibn Khaldun (2005)
Prinsip Akauntabiliti Transenden	Kuasa adalah amanah yang mesti dipertanggungjawabkan kepada Tuhan dan manusia	Pemimpin dan institusi mesti bertanggungjawab bukan hanya secara undang-undang tetapi secara spiritual	Arif & Djasuli (2022)
Kritik terhadap Sekularisme	Sekularisme hanya menjawab keberkesanan duniawi tetapi memisahkan nilai ukhrawi	Tadbir urus Islam menolak keberkesanan tanpa roh dan akhlak; perlu integrasi nilai dengan struktur	Nasr (2002); Hallaq (2013)

Jadual 3: Tauhid sebagai asas ontologi dan epistemologi tadbir urus

Konsep tauhid menjadi asas tunggal kepada kewujudan (ontologi) dan sumber ilmu (epistemologi) dalam tadbir urus Islam. Ia menghasilkan sistem nilai yang transenden, menyatukan dunia dan akhirat, kuasa dan tanggungjawab, keberkesanan dan akhlak. Dalam hal ini, tauhid tidak hanya memandu jiwa peribadi, tetapi juga struktur pentadbiran dan polisi awam, menjadikan tadbir urus sebagai ibadah dan amanah yang holistik.

Analisis Falsafah Islam terhadap Paradigma Tadbir Urus Barat

Sistem tadbir urus Barat bertunjangkan rasionalisme, sekularisme, dan kontrak sosial. Pemikir seperti John Locke dan Montesquieu membina gagasan kuasa dan perlembagaan yang berpaksikan kepada pemisahan kuasa, tetapi menafikan dimensi transenden atau amanah ilahi.³⁹ Namun, pendekatan Barat ini menghasilkan sistem nilai neutral (*value-neutrality*) yang membuka ruang kepada eksploitasi manusia oleh manusia.⁴⁰ Rasionaliti Barat adalah bersifat instrumental, yakni mengukur kejayaan melalui produktiviti dan keberkesanan semata-mata. Hallaq menyifatkan sistem moden ini sebagai *The Impossible State*, satu sistem yang kononnya demokratik dan adil tetapi terpisah daripada nilai moral.⁴¹

Fukuyama turut mengkritik bahawa birokrasi Barat menjadi terlalu teknokratik, tidak responsif terhadap kehendak moral masyarakat.⁴² Dalam kerangka Islam, pendekatan ini adalah cacat kerana mengabaikan *maqāṣid al-sharī'ah*, iaitu falsafah matlamat undang-undang yang

³⁹ Lihat perbincangan tentang kontrak sosial dalam falsafah politik Barat oleh John Locke dan Montesquieu dalam konteks sekularisme.

⁴⁰ Masudul Alam Choudhury, *Islamic Economics and Finance: An Epistemological Inquiry* (Cheltenham: Edward Elgar, 2007), 88–90.

⁴¹ Wael B. Hallaq, *The Impossible State: Islam, Politics, and Modernity's Moral Predicament* (New York: Columbia University Press, 2013), 19–22.

⁴² Francis Fukuyama, *Political Order and Political Decay* (New York: Farrar, Straus and Giroux, 2013), 133–137.

memelihara agama, jiwa, akal, keturunan, dan harta. Kritikan ini mengesahkan bahawa tadbir urus moden memerlukan kerangka nilai, bukan sekadar struktur prosedur. Justeru, tadbir urus Islam menawarkan alternatif holistik dan spiritual, satu sistem yang menyatukan antara keberkesanan teknikal dan kesahihan moral, serta kepentingan dunia dan akhirat.

DIMENSI	TADBIR URUS ISLAM	TADBIR URUS BARAT
Nilai Asas (Epistemik dan Etika)	Berdasarkan Tauhid – Tuhan sebagai sumber kuasa; menekankan ‘ <i>adl</i> (keadilan), <i>amānah</i> (amanah), <i>taqwā</i> , maslahat dan ihsan. Nilai bersifat transenden dan ukhrawi.	Berdasarkan sekularisme, kontrak sosial, dan rasionaliti manusia. Menekankan kebebasan individu, hak, dan utilitarianisme. Nilai bersifat manusiawi dan relatif.
Struktur Institusi dan Sistem	Berpaksikan syariah, syura, <i>hisbah</i> , dan ijtihad. Struktur bersifat interaktif antara ulama, pemerintah dan umat. Ada mekanisme muhasabah dan tanggungjawab moral.	Struktur berdasarkan pemisahan kuasa eksekutif, legislatif dan kehakiman. Penekanan kepada sistem perwakilan, undang-undang positif, dan <i>checks-and-balances</i> melalui parlimen dan mahkamah.
Peranan Agama	Agama adalah asas pembentukan dasar dan perundangan. Agama tidak boleh di pisah daripada politik dan pentadbiran (<i>al-dīn wa al-dawlah</i>).	Agama disisihkan dari struktur pentadbiran. Agama dianggap urusan peribadi atau simbol budaya – prinsip pemisahan gereja dan negara.
Matlamat Tadbir Urus	Untuk mencapai keredaan Ilahi, <i>maqāṣid al-sharī‘ah</i> dan keseimbangan dunia–akhirat. Tadbir urus adalah ibadah dan amanah.	Untuk mencapai keberkesanan pentadbiran, pertumbuhan ekonomi, dan kestabilan politik. Tadbir urus adalah kontrak sosial dan alat pentadbiran awam.
Hasil Jangka Panjang	Masyarakat adil, berakhlak, dan sejahtera (<i>baldah ṭayyibah</i>). Tadbir urus menghasilkan pembangunan rohani dan sosial.	Masyarakat efisien tetapi sering mengalami krisis moral, ketidaksamaan sosial, dan kehilangan makna hidup. Fokus kepada materialisme dan kemajuan teknikal.

Jadual 4: Jadual perbandingan: sistem tadbir urus Islam dan tadbir urus barat (nilai–struktur–hasil)

Warisan Kolonial dan Institusi Islam

Kolonialisme telah meninggalkan implikasi epistemik dan struktur yang besar ke atas institusi Islam. Menurut Maussen, Bader dan Moors, pentadbiran kolonial meletakkan Islam dalam dua kategori utama:

- sebagai objek pentadbiran, bukan sumber nilai; dan

- sebagai masalah kawalan sosial, bukan sistem pembinaan masyarakat.⁴³

Sebagai contoh, sistem mahkamah syariah di India dan Malaysia telah dipisahkan daripada kuasa negara dan hanya dibenarkan untuk menguruskan urusan kekeluargaan dan ritual. Pendidikan agama pula dikawal agar hanya melahirkan ulama yang “taat” kepada kolonial. Di Malaysia, sistem dualisme perundangan yang memisahkan antara undang-undang Islam dan sivil telah mewujudkan pluralisme hukum yang tidak konsisten, seperti yang dikritik oleh Faruqi.⁴⁴ Mahkamah Syariah menjadi institusi ritualistik, bukannya alat transformasi sosial. Impak jangka panjangnya ialah institusi Islam telah kehilangan legitimasi moralnya sebagai pembimbing ummah, dan telah ditakrifkan semula sebagai agensi kerajaan semata-mata. Ini bertentangan dengan model awal khilafah dan kesultanan Islam di Alam Melayu yang menyatukan kuasa spiritual dan kuasa pentadbiran⁴⁵⁴⁶.

ASPEK FALSAFAH/INSTITUSI	KESAN WARISAN KOLONIAL	ANALISIS FALSAFAH ISLAM	RESPONS EPISTEMIK ISLAMIK
1. Sumber Kuasa dan Undang-undang	Pemisahan antara kuasa agama dan negara; kuasa undang-undang syariah dihadkan kepada hal kekeluargaan sahaja	Islam tidak memisahkan antara agama dan politik; kuasa dianggap amanah Ilahi (<i>al-amānah</i>)	Islam menuntut penyatuan antara nilai dan struktur kuasa melalui prinsip tauhid dan syura (Al-Faruqi, 1982; Hallaq, 2013)
2. Peranan Institusi Agama (Majlis Agama, Mahkamah Syariah)	Diinstitusikan sebagai jabatan kerajaan kolonial; menjadi instrumen kawalan bukannya pemangkin nilai masyarakat	Institusi agama dalam Islam bertindak sebagai penjaga moral awam (<i>hisbah</i>) dan pemandu dasar awam	Falsafah Islam menekankan revitalisasi institusi agama agar kembali berfungsi sebagai <i>ḥākim al-qīṣṭ</i> (penegak keadilan)
3. Pendidikan Agama	Sistem pendidikan pondok dan madrasah diserap atau disisih oleh sistem sekular kolonial	Ilmu dalam Islam bersifat integratif – menghubungkan <i>naqlī</i> dan <i>‘aqlī</i> , agama dan dunia	Epistemologi Islam perlu memulihkan integrasi ilmu melalui <i>Islamization of knowledge</i> (Al-Faruqi, 1982)
4. Struktur Perundangan	Pluralisme hukum – undang-undang Islam dan undang-undang sivil Barat yang didominasi sekularisme	Islam mempunyai sistem perundangan yang syumul (menyeluruh) berasaskan <i>maqāṣid al-sharī‘ah</i>	Seruan ke arah reformasi sistem pluralisme hukum ke arah penyatuan dasar awam berlandaskan syariah dan <i>maqasid</i>
5. Konsep Negara dan	Negara dilihat sebagai	Dalam Islam, negara	Tawaran falsafah

⁴³ Marcel Maussen, Veit Bader, dan Annelies Moors, *Colonial Governance and the Regulation of Religion: Comparative Perspectives* (Leiden: Brill, 2011), 33–36.

⁴⁴ Ismail Raji al-Faruqi, *Islamization of Knowledge: General Principles and Work Plan* (Herndon, VA: IIIT, 1982), 13–17.

⁴⁵ Ibn Khaldun, *Muqaddimah* (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 2005), 89–92.

⁴⁶ Theda Skocpol, “Bringing the State Back In,” dalam *Bringing the State Back In*, suntingan Peter Evans, Dietrich Rueschemeyer, dan Theda Skocpol (Cambridge: Cambridge University Press, 1985), 3–37.

Warganegara	entiti sekular yang berfungsi mengurus, bukan membimbing masyarakat	berfungsi sebagai pelindung dīn dan penegak 'adl – bukan sekadar pengurus sumber	negara Islam: al-dīn wa al-dawlah – penyatuan urusan dunia dan akhirat
6. Nilai Tadbir Urus	Kecekapan, keberkesanan, dan teknokrasi tanpa dimensi spiritual	Tadbir urus Islam menekankan kesatuan antara hikmah (kebijaksanaan), 'adālah (keadilan), dan taqwā	Pelaksanaan nilai-nilai tadbir urus Islam memerlukan reformasi institusi dan pentadbiran berdasarkan falsafah tauhid

Jadual 5: Matriks analisis falsafah terhadap warisan institusi kolonial Islam

Keperluan Sintesis antara Falsafah Islam dan Struktur

Kajian ini menyarankan bahawa krisis tadbir urus Islam kontemporari bukan sahaja berpunca daripada kerosakan struktur, tetapi juga kerana tiadanya penyatuan antara nilai dan struktur. Umam dan Beets menyatakan bahawa agama sahaja tidak cukup, melainkan jika disokong oleh sistem institusi yang mampu melaksanakan nilai tersebut secara konsisten.⁴⁷⁴⁸ Ini menunjukkan bahawa usaha reformasi institusi Islam mesti disertakan dengan rekonstruksi falsafah. Dalam konteks ini, gagasan *Islamization of Institutions* seperti yang dicadangkan oleh Al-Faruqi menjadi penting.⁴⁹ Ia bukan sekadar Islamisasi pengetahuan, tetapi juga Islamisasi struktur institusi politik, ekonomi dan sosial.

Justeru, rekonstruksi tadbir urus Islam perlu bermula dengan:

- Penilaian semula nilai epistemologi dalam struktur pentadbiran.
- Pembinaan semula autoriti moral institusi agama dan kehakiman.
- Penciptaan mekanisme tadbir urus yang menjelmakan nilai tauhid, termasuk dalam sistem pengambilan keputusan, pengagihan sumber, dan penyelesaian konflik.

Kesimpulan

Makalah ini telah menghuraikan falsafah tadbir urus Islam secara terperinci melalui pendekatan tematik yang merangkumi empat bidang utama: tauhid sebagai asas falsafah tadbir urus, kritikan terhadap falsafah tadbir urus Barat, pengaruh warisan kolonial terhadap institusi Islam, dan keperluan sintesis antara nilai dan struktur institusi.

Analisis menunjukkan bahawa tadbir urus Islam bukan sekadar sistem teknikal, tetapi merupakan manifestasi nilai ketuhanan yang menegaskan prinsip keadilan ('adl), amanah (amānah), dan kemaslahatan (maṣlaḥah) sebagai asas segala dasar dan tindakan pentadbiran. Prinsip tauhid menempatkan Allah sebagai sumber mutlak segala kuasa, manakala manusia hanyalah khalifah yang bertanggungjawab terhadap pelaksanaan nilai-nilai ilahi dalam

⁴⁷ Umam, "Revitalizing Religious Institutions in Muslim Societies," *Islamic Governance Review*, 2014, 22–25.

⁴⁸ Scott Beets, "Religion and Governance: A Structural Analysis," *Journal of Ethics and Public Policy*, 2007, 101–104.

⁴⁹ Ismail Raji al-Faruqi, *Islamization of Knowledge: General Principles and Work Plan* (Herndon, VA: IIIT, 1982), 13–17.

kehidupan sosial dan pentadbiran. Dalam kerangka ini, tadbir urus bukanlah urusan duniawi semata-mata, tetapi sebahagian daripada ibadah dan jihad sosial, yang menuntut integriti, kejujuran, akauntabiliti serta kebijaksanaan.

Namun demikian, makalah ini turut mengkritik sistem tadbir urus moden yang diwarisi daripada Barat, yang berasaskan sekularisme dan utilitarianisme. Sistem ini, meskipun efisien dari sudut teknikal dan prosedur, gagal menangani krisis nilai dan keruntuhan moral dalam masyarakat moden. Ia telah mewujudkan struktur pentadbiran yang canggih tetapi kehilangan jiwa, serta tidak mampu menjawab keperluan masyarakat terhadap keadilan sosial dan kesejahteraan spiritual. Dalam konteks ini, falsafah Islam menawarkan alternatif yang lebih holistik, yang menggabungkan antara keberkesanan teknikal dan nilai spiritual – antara rasionaliti dan etika, antara manusia dan Tuhan.

Satu lagi aspek penting yang dibincangkan ialah kesan warisan kolonial terhadap institusi-institusi Islam. Kolonialisme bukan sahaja telah menukar fungsi asal institusi seperti mahkamah syariah, zakat dan pendidikan agama, tetapi juga telah menjadikannya sebagai instrumen pentadbiran yang terputus daripada falsafah ketuhanan. Dalam era pasca kolonial, struktur ini terus diwarisi tanpa proses pemulihan falsafah atau reformasi epistemologi. Akibatnya, banyak institusi Islam kini beroperasi dalam kerangka birokrasi moden yang tidak lagi berpaksikan kepada *maqāṣid syariah* atau visi khalifah sebagai pengurus nilai dalam masyarakat.

Maka, makalah ini menyimpulkan bahawa usaha membina semula tadbir urus Islam perlu dilakukan dengan pendekatan falsafah yang kritikal dan sejarah yang reflektif. Falsafah ketuhanan seperti tauhid, serta nilai-nilai dasar seperti keadilan dan kemaslahatan, mesti diterjemahkan secara sistematik dan institusional ke dalam struktur tadbir urus moden. Dalam masa yang sama, warisan kolonial yang membelenggu kefahaman dan pelaksanaan sistem Islam perlu dinilai semula dan ditanggalkan dari akar epistemik dan strukturalnya.

Akhirnya, sintesis antara falsafah dan struktur bukan sahaja prasyarat keberkesanan pentadbiran, tetapi juga syarat asas bagi menjadikan tadbir urus Islam sebagai satu sistem yang berfungsi, berakhlak dan berjiwa, selari dengan misi khalifah dalam membina masyarakat yang adil, sejahtera dan diredhai Allah SWT.

Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh skim geran penyelidikan Institut Ilmu Darul Makmur – Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (IIDM-MUIP) yang bertajuk “Fiqh al Watan dan Governan/Tata Kelola Negeri Pahang: Strategi, Polisi dan Institusi”. Sehubungan dengan itu, penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Institut Ilmu Darul Makmur – Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (IIDM-MUIP) atas sumbangan dana yang telah diberikan.

Rujukan

- Arif, Muhammad Sulton, dan Mohamad Djasuli. “Good Governance dalam Sudut Pandang Islam.” *Jurnal Ekonomi, Manajemen, Bisnis, dan Sosial (EMBISS)* 2, no. 2 (2022): 207–218.
- Azhar, Muhammad Hazim Mohd. (2021). “Wacana Dekolonisasi Ilmu Dan Pembentukan Kearifan Tempatan Melalui Kursus Falsafah Dan Isu Semasa: Discourse on the Decolonization of Knowledge and the Formation of Local Wisdom through Philosophy Courses and Current Issues.” *Online Journal of Research in Islamic Studies* 8(1): 65-83.

- Beets, S. (2007). Religion and governance: A structural analysis. *Journal of Ethics and Public Policy*, 23(1), 101–104.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101.
- Choudhury, M. A. (2007). *Islamic economics and finance: An epistemological inquiry*. Cheltenham: Edward Elgar.
- Creswell, J. W. (2013). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Al-Faruqi, I. R. (1982). *Islamization of knowledge: General principles and work plan*. Herndon, VA: International Institute of Islamic Thought (IIIT).
- Fukuyama, F. (2013). *Political order and political decay: From the industrial revolution to the globalization of democracy*. New York: Farrar, Straus and Giroux.
- Al-Ghazali. (1993). *Al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Hallaq, W. B. (2013). *The impossible state: Islam, politics, and modernity's moral predicament*. New York: Columbia University Press.
- Hefner, R. (2000). *Civil Islam: Muslims and democratization in Indonesia*. Princeton, NJ: Princeton University Press.
- Ibn Khaldun. (2005). *Muqaddimah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibrahim, 'Adnin ., & Ab Rahman, A. . (2024). Shariah Governance on Resolutions of Waqf Development Issues in Malaysia: Case Studies in Selected States. *Jurnal Syariah*, 32(1), 41–73. <https://doi.org/10.22452/syariah.vol32no1.2>
- Lincoln, Y. S., & Guba, E. G. (1985). *Naturalistic inquiry*. Newbury Park, CA: Sage.
- Mahoney, J., & Thelen, K. (2010). *Explaining institutional change: Ambiguity, agency, and power*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Maussen, M., Bader, V., & Moors, A. (2011). *Colonial governance and the regulation of religion: Comparative perspectives*. Leiden: Brill.
- Nasr, S. H. (2002). *The heart of Islam: Enduring values for humanity*. New York: HarperOne.
- Skocpol, T. (1985). Bringing the state back in. In P. Evans, D. Rueschemeyer, & T. Skocpol (Eds.), *Bringing the state back in* (pp. 3–37). Cambridge: Cambridge University Press.
- Umam, K. (2014). Revitalizing religious institutions in Muslim societies. *Islamic Governance Review*, 6(1), 22–25.